



مجلس دائيره تنجوع ماليم
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
Peti Surat 59,
35900 Tanjong Malim,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-4563410
05-4563420
Faks : 05-4563430
05-4563440
Laman : <http://www.mdtm.gov.my>

Ruj. Kami : Bil(126)dIm.MDTM/KJKB(IL)01/07/30
Tarikh : 10 Oktober 2024

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN

B-G-9 & B-G-11
Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 IPOH, PERAK

Tuan,

CADANGAN MEMBINA KOMPLEKS KILANG YANG MENGANDUNGI: I. SATU (1) UNIT KILANG DI TINGKAT 1 YANG MENGANDUNGI KILANG, KANTIN, SURAU, RUMAH PAM DAN TANDAS II. SATU (1) UNIT GUDANG DI TINGKAT 2 DAN 3 III. SATU (1) UNIT PEJABAT DI TINGKAT 1 YANG MENGANDUNGI PEJABAT DAN TANDAS IV. SATU (1) UNIT PONDOK PENGAWAL V. SATU (1) UNIT RUMAH SAMPAH VI. SATU (1) UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB JENIS PADAT (7M X 5M) DI ATAS LOT 17344 (GM 159297), SELUAS 2.3019 EKAR, JALAN JELAWAI 5, BANDAR PROTON, MUKIM HULU BERNAM TIMOR, DAERAH MUALLIM, PERAK DARUL RIDZUAN BAGI KLM CONSTRUCTION SDN BHD.

-Permohonan Izin Lalu.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan KUDR/TNBB/A/09/24/0071() bertarikh 7 Oktober 2024.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) tiada apa-apa halangan bagi permohonan tersebut dengan syarat:-

- i. Mendepositkan wang cagaran kerja sebanyak **RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ribu Sahaja)** atas nama **Wang Deposit MDTM** sebagai cagaran bagi kerja-kerja tersebut;
- ii. Membuat bayaran bagi caj permit sebanyak **RM 606.00 (Ringgit Malaysia : Enam Ratus Enam Sahaja)** atas nama **Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim**;
- iii. Menyediakan semula lapisan struktur jalan seperti sedia ada dan pemotongan jalan hendaklah menggunakan mesin pemotong jalan sebelum kerja korekan jika kerja-kerja melibatkan pemotongan jalan sahaja;

...2/-

MAJU DAN JAYA




- iv. Memaraskan semula bahu jalan dan tidak melonggokkan sisa korekan di bahu jalan;
- v. Pihak tuan perlu menyediakan surat akujanji yang menyatakan pihaknya tidak akan menuntut apa-apa kos pengalihan jika kerja-kerja pengalihan perlu dilakukan di masa akan datang;
- vi. Tempoh sah permit adalah bermula dari tarikh surat ini iaitu **10 Oktober 2024 sehingga 9 April 2025** dan sekiranya kerja-kerja tersebut tidak dapat disiapkan dalam tempoh ini, pihak tuan dikehendaki mengemukakan permohonan lanjutan tempoh permit sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tamat tempoh permit ini;
- vii. Semua kerja-kerja korekan tanah hendaklah dijamin / dipastikan tidak mengganggu keselamatan harta benda kerajaan dan kestabilan tebing korekan serta perlu di selenggara dengan sempurna;
- viii. Sekiranya pembentung dan longkang tersumbat disebabkan oleh kerja-kerja korekan, pihak tuan adalah bertanggungjawab untuk mencucinya. Sekiranya pihak tuan gagal melaksanakan kerja-kerja tersebut dalam tempoh 24 jam, pejabat ini berhak mengarahkan pemberhentian kerja serta-merta tanpa sebarang notis;
- ix. Sekiranya pihak pemohon gagal mematuhi segala syarat yang ditetapkan, pejabat ini berhak mengarahkan pemberhentian kerja serta merta tanpa sebarang notis. Pihak pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan di kawasan yang melibatkan kenderaan serta aktiviti yang dijalankan di tapak.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD IKRAM BIN AHMAD, P.P.T.)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanjong Malim
mfr/mag/kjkb/il



"PERAK SEJAHTERA 2030"
"PROMISINGPERAK"TMP2024

Bil(126)d/m.MDTM/KJKB(IL)01/07/30

s.k:-

YASUKA INFINITY SDN BHD
E-13-L-3
Blok E
Dataran Ecohill ½
Setia Ecohill
43500 SEMENYIH, SELANGOR DARUL EHSAN